



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**

# **KENYATAAN MEDIA**

**Bil. 11 / 2021**

## **SPR TERIMA PROKLAMASI PEMBUBARAN DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) MELAKA YANG KEEMPAT BELAS**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima pemakluman rasmi daripada Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka, berhubung dengan pembubaran DUN Melaka penggal yang keempat belas pada 4 Oktober 2021 sebagaimana termaktub di bawah Fasal (2) Perkara 19 Perlembagaan Negeri Melaka.
2. Berdasarkan Fasal (4) Perkara 19 Perlembagaan Negeri Melaka berkehendakkan suatu pilihan raya umum hendaklah diadakan dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh pembubaran DUN itu.
3. Justeru itu, SPR akan mengadakan Mesyuarat Khas bagi membincangkan mengenai pelaksanaan pilihan raya tersebut. Tarikh mesyuarat berkenaan akan dimaklumkan kemudian oleh pihak SPR.

Sekian.

**DATUK IKMALRUDIN ISHAK**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh: 5 Oktober 2021 / 27 Safar 1443H